



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 1 OGOS 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BASMI 'LALANG' SEKTOR AGROMAKANAN SUBURKAN EKONOMI MADANI, KOMENTAR, BH-11	LAIN-LAIN
2.	AYAM TIDAK LAKU SEBAB RAMAI MAKAN DAGING, NEGARA, KOSMO-16	
3.	CENTRE TO TRAIN B40 TO BE MODERN AGROPRENEURS, STARLIFESTYLE, THE STAR-5	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Basmi 'lalang' sektor agromakanan suburkan ekonomi MADANI



Oleh Dr. Mohd Afzanizam Abdul Rashid
bhrencana@bh.com.my

Kerangka Ekonomi MADANI yang di-lancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebenarnya mempunyai sisi begitu luas kerana merangkumi integrasi ekonomi serantau, digitalisasi, jaminan sosial dan keselamatan makanan serta konsolidasi fiskal.

Kelulusan skop itu mencerminkan realiti cabaran ekonomi saban tahun semakin hebat, kompleks dan bersifat global, apatah lagi Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi lebih perlahan, iaitu 3 peratus bagi 2023 dan 2024 berbanding 3.5 peratus pada 2022.

Selain pertumbuhan ekonomi global dijangka perlahan, risiko inflasi untuk kekal tinggi juga ditekankan IMF. Kadar inflasi global dijangka mencecah 6.8 peratus dan 5.2 peratus bagi 2023 dan 2024 yang unjuran ini sememangnya melebihi kadar purata inflasi global, iaitu 4.1 peratus.

Antara perkara menarik perhatian penulis adalah aspek jaminan makanan disebut sebagai wadah menjadikan ekonomi negara lebih berdaya tahan. Konteks disebut itu adalah faktor geopolitik dan perubahan iklim yang dilihat boleh mengganggu-gugat penawaran makanan.

Hal ini sememangnya sudah lama dibincangkan, tetapi berdasarkan statistik semasa, masih banyak perkara perlu dilaksanakan dengan kadar segera. Negara terus mencatatkan defisit

dalam imbalan dagangan dalam sektor agromakanan.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, negara mencatatkan imbalan defisit dalam sektor agromakanan sebanyak RM16.6 billion berbanding tempoh sama tahun lalu (RM15.5 billion). Perkara ini berlaku kerana nilai import RM38.3 billion melebihi eksport bernilai RM21.7 billion.

Justeru, besar harapan penulis agar sektor agromakanan ini dinaikkan martabatnya kerana ia mampu menjadi mangkin pembangunan lebih seimbang dan tidak terlalu tertumpu di bandar sahaja.

Teknologi mampu tingkat produktiviti

Selain itu, penggunaan teknologi dan canggih seperti penggunaan internet benda (IoT) mampu meningkatkan produktiviti serta menarik generasi muda untuk menceburi bidang pertanian.

Di samping itu, memastikan tatakelola sektor agromakanan ini juga menjadi prasyarat untuk memastikan sektor ini dapat diangkut menjadi mangkin pertumbuhan serta membantu dalam peningkatan pendapatan petani.

Isu seperti perubatan sorok, manipulasi harga dan kewujudan kartel yang boleh dianggap sebagai lalang perlu dibasmi sepenuhnya supaya mekanisme penentuan harga pasaran produk agromakanan boleh berlaku dengan adil dan telus, sekali gus memanfaatkan pengusaha.

Justeru, tugasan mengangkut ekonomi negara lebih tinggi sememangnya bukan mudah. Dalam

hal ini, pembentangan Ekonomi MADANI bukan sahaja menjadi sebagai peta jalan yang akan bertindak sebagai panduan untuk semua pihak, malah suatu titik menganjak paradigma kita untuk bagaimana kita perlu melihat pembangunan lestari dalam kerangka lebih meluas.

Pernyataan seperti pekerjaan dengan kadar upah lebih bermaruah juga mempunyai pengertihan lebih luas. Ia tidak tertumpu kepada wang semata-mata, sebaliknya meliputi bagaimana kita melihat pendidikan sebagai keperluan bagi seseorang menjadi lebih berpengetahuan dan berkemahiran serta mampu membuat keputusan bijak dalam menentukan nasib hidup mereka.

Selain itu, tidak timbul soal merendahkan rendahkan jenis pekerjaan kerana setiap orang bekerja yang sah di sisi undang-undang serta pekerjaan baik, tidak kira sama ada menyapu sampah mahu pun ketua pegawai eksekutif, sifat membanding-bandingkan taraf kehidupan tidak perlu ditimbulkan.

Sebaliknya, kita perlu mementingkan bagaimana kita secara kolektif boleh membantu masyarakat supaya kita semua akan dapat hidup dalam keadaan harmoni, bukannya berasaskan materialisme sebagai ukuran kejayaan.

Oleh itu, ekonomi MADANI boleh dilihat sebagai penekanan dalam pembentukan tamadun lebih tinggi dan maju. Dengan ketamadunan, masyarakat akan cintakan ilmu, berinteraksi secara sihat dan terhormat serta saling bantu-membantu.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2023	KOSMO	NEGARA	16

Harga turun mendadak sehingga RM6.90 sekilogram

Ayam tidak laku sebab ramai makan daging

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

MELAKA – Harga ayam di Semenanjung turun mendadak sehingga mencecah RM6.90 sekilogram sejak minggu lalu selepas permintaan bagi ternakan tersebut berkurangan selepas Hari Raya Aidiladha.

Sebelum ini, harga ayam menjadi isu apabila sentiasa naik sehingga mencecah RM10.33 sekilogram sejak Mac lalu melepasi harga siling RM9.40 sekilogram.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng berkata, pengguna dalam kalangan umat Islam rata-rata mempunyai bekalan daging korban yang diterima, sekali gus menyebabkan trend pembelian ayam menurun.

Ujarnya, pengeluaran bekalan harian yang diperlukan negara iaitu 2.2 juta ekor sehari menurun hampir 50 peratus pada minggu pertama perayaan dan menyebabkan lambakan ternakan di dalam ladang.

"Sejak hujung Jun lalu per-



KERATAN Kosmo! 26 Mac 2023.

mintaan ayam menurun dan kita lihat ia adalah kesan daripada sambutan Aidiladha, umat Islam tidak membeli ayam, sebaliknya menghabiskan bekalan daging korban yang diagihkan.

"Disebabkan itu berlaku lambakan ayam di ladang dan para penternak cuba mengurangkan kerugian dengan menawarkan harga borong yang rendah kepada peniaga ayam," katanya ketika dihubungi Kosmo!

Jelasnya, kadar penurunan tersebut merupakan kos kerugian yang terpaksa ditanggung oleh penternak dan situasi itu

dijangka berterusan sehingga hujung bulan ini.

"Kalau kita biar ayam-ayam ini di dalam ladang, kos kerugian adalah lebih tinggi kerana mereka perlu diberikan makanan pada setiap hari dan bila ayam menjadi semakin besar, ia susah untuk dijual.

"Seperti syarikat saya, pengeluaran ayam menjunam daripada 200,000 ekor sehari kepada hanya 100,000 sehari selepas perayaan Aidiladha dan jumlah permintaan berubah-ubah pada setiap hari, sukar untuk kita tentukan jumlah peratusan penurunan di seluruh negara," katanya.

Tambahnya, kini para penternak menanggung kerugian sekitar RM4 bagi seekor ayam.

Sementara itu, seorang pemborong ayam di Melaka, Asrulnizam Mohd. Noor, 40, berkata, susulan penurunan harga itu, permintaan bekalan daripada peniaga naik hampir 30 peratus.

"Dulu saya ambil bekalan 3,300 ekor ayam sehari, sekarang 4,000 sehari. Ada peniaga yang biasa ambil 700 ekor minta 900 ekor sebab harga murah," jelasnya.



PENIAGA memotong ayam yang dipesan pelanggan di Pasar Awam Bachang, Melaka semalam.

CENTRE TO TRAIN B40 TO BE MODERN AGROPRENEURS

By JESSIE LIM
jessie.lim@thestar.com.my

TO enhance employment and entrepreneurship opportunities for the B40 community, the Economy Ministry has launched the Pusat Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) – starting with a collaboration with Universiti Putra Malaysia (UPM).

The government invested RM34.75mil in this programme which involves developing crop and fish farming infrastructure that will be based at UPM's 26.3ha Pusat Kecemerlangan Industri Pertanian IPR-INTAN@UPM in Ladang Puchong, Selangor.

Here, agropreneurs will be trained in modern farming before going on to start their own farms or manage existing ones across the country through the application of agricultural technology to improve yield and profitability.

While this paves the way for the advancement of the agriculture sector, IPR-INTAN's long-term aim is to increase food production in the country, thereby addressing the rising threat to food security.

IPR-INTAN@UPM kicks off with the first batch of 130 agropreneurs comprising graduates of the university as well as IPR and ekash participants under the ministry, who will undergo rigorous technology-based training for a period of up to 18 months in agricultural and aquaculture sectors.

Following this, the government will continue to support the participants by providing an operating capital of RM3.2mil per round, and guiding them to earn a net income of RM2,000 to RM2,500 per month.

Programme participant Irahm Sauti from Puchong, Selangor, was previously an administration assistant before deciding to venture into agriculture to "try something different".

The 31-year-old has his sights set on learning as much as he can on agropreneurship and agricultural technology and apply them at his parents' farm in Kedah.

"My hope for the agricultural sector is that we can expand fertigation farming to all over the country to a point where we no longer need to import agricultural products because we can produce our own, and Malaysians can get them at a lower price," he says.

Echoing him is fellow participant Alif Aliman, also from Puchong. The 25-year-old hopes that one day, "all farmers will be able to learn and apply IoT (Internet of Things) in agriculture as it is beneficial to deliver efficiency and productivity."

At the launch, Economy Minister Rafizi Kamli said the ministry has been working on building a sustainable, modern agriculture in this country.

"It requires working with many sectors, and therefore the planning is very important to ensure we don't repeat mistakes of the past.

"It is a lot more complicated, and requires building an ecosystem. We have to make sure that all components are in place."

Rafizi added that to-date, the ministry has managed to acquire

RM34.75mil government programme to advance IoT application in agriculture



Besides training for modern farming, IPR-INTAN also provides agropreneurs proper marketing for their products, says Economy Minister Rafizi Kamli (left) who officiated at the centre's launch, which was attended by UPM vice chancellor Datuk Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman (right) and Deputy Economy Minister Datuk Hanifah Hajar Taib (middle). – CHAN TAK KONG/The Star



Rafizi said the Economy Ministry has been working on building a sustainable, modern agriculture sector in this country.

404.6ha of land bank all over the country, for modern farming facilities and is progressing to the next level of building the infrastructure.

"But the focus today is to get the first cohort of modern farming professionals started, and that heavy task has been given to UPM.

"We understand we need to train agro professionals. It not only requires technical knowledge and business skills, but also mental agility because they need to go through a few harvests to eventually succeed," he said.


In addition, failure also stems from marketing and downstream risk. Therefore, marketing and sales mechanisms need to be in

place as well.

"Otherwise, they will be subjected to a price crash, and that burns their morale and motivation. As a result, they will withdraw. This kind of attrition over and over again is very costly to the economy. So we want to make sure we have an ecosystem in place.

"It will take some time but I am extremely encouraged because we have a lot of support from local and international companies."

A total of 26 strategic partners have been onboarded the programme, and will contribute to the programme across the supply chain process – from insuring the crops to marketing and offtaking.



The Pusat Kecemerlangan Industri Pertanian IPR-INTAN@UPM provides agropreneurs training in modern farming.

"The ecosystem has been designed to be sustainable and economically viable, but we will continue to study, evaluate, review and make improvements along the way," said Rafizi, who reminded UPM that his team will check on their progress every two months.

The Pusat Kecemerlangan Industri Pertanian IPR-INTAN@UPM is expected to lead and be the main point of reference for the agricultural industry in terms of innovation, knowledge and training as the ministry continues to acquire land bank for more IPR-INTAN initiatives.

Present at the launch was Deputy Economy Minister Datuk Hanifah Hajar Taib, ministry sec-

retary general Datuk Nor Azmie Diron as well as UPM vice chancellor Datuk Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman, who said that the programme is in line with UPM's Strategic Plan 2021-2025.

"The plan is to make the university a reference centre for the development of tropical agriculture by mobilising agricultural experts to intensify agricultural development activities for the community."

He urged all participants to embrace this opportunity with enthusiasm and dedication.

"With persistent efforts and never giving up, we will be able to shape a better and brighter future for the agricultural industry in our country."